

WE ARE YOUR DOL

NEW YORK STATE

Department of Labor

## GAJI MINIMUM NEGERI NEW YORK

### SEBAGAI PEKERJA, BERPAKAH GAJI MINIMUM SAYA?

Dari 1/1/2024 hingga 31/12/2024, gaji minimum asas Negeri New York adalah:

- \$16.00 sejam di Bandar New York
- \$16.00 sejam di Kepulauan Long dan Daerah Westchester
- \$15.00 sejam di Negeri New York yang Selebihnya

Dan gaji minimum bagi pekerja makanan segera\* adalah:

- \$16.00 sejam di kesemua Bandar New York, Kepulauan Long dan Daerah Westchester
- \$15.00 sejam di Negeri New York yang selebihnya

Pekerja swasta di dalam negeri, termasuk pekerja domestik (dalam kebanyakan kes), haruslah menerima gaji minimum yang asas.

### KEADAAN KHAS

Kadar asas boleh berubah di bawah peraturan yang dikenali sebagai "arahan gaji" yang menetapkan bayaran minimum bagi kerja-kerja di:

- Industri perhotelan, perkhidmatan bangunan dan perladangan
- Semua industri dan pekerjaan lain

Arahan gaji menetapkan:

- Kadar mengikut jam
- Kadar lebih masa
- Kredit bagi makanan dan penginapan, jika dibekalkan oleh majikan

Arahan gaji perhotelan menetapkan kadar gaji minimum setiap jam yang lebih rendah jika pekerja kerap menerima upah. Arahan gaji diterbitkan di laman web Jabatan Tenaga Kerja di [www.labor.ny.gov/minimumwage](http://www.labor.ny.gov/minimumwage).

Apabila pekerja menyediakan pakaian seragam mereka sendiri, mereka mesti dibayar amaun tambahan melebihi gaji minimum.

Pekerja yang melakukan kerja upah ikut butir harus dibayar pada kadar yang mencapai sekurang-kurangnya gaji minimum asas.

Minggu bekerja standard adalah 40 jam. Jika pekerja bekerja mana-mana jam melebihi itu, oleh itu majikan mesti membayar mereka pada 1½ kali ganda gaji biasa.

### SEBAGAI MAJIKAN, BAGAIMANA UNTUK SAYA MEMATUHI SEMUA ASPEK UNDANG-UNDANG GAJI MINIMUM?

Jabatan Tenaga Kerja membantu mendapatkan semula gaji bagi pekerja yang tidak menerima gaji minimum. Majikan yang melanggar Undang-Undang Gaji Minimum mungkin diarahkan untuk membayar:

- Gaji tertunggak
- Faedah
- Ganti rugi jumlah tertentu
- Denda

Mereka juga mungkin tertakluk kepada pendakwaan jenayah dan penalti. Denda untuk pelanggaran boleh berjumlah sehingga 200 peratus daripada gaji yang hilang. Mereka juga mungkin perlu membayar 16 peratus faedah ke atas gaji yang belum dibayar.

Majikan mesti meletakkan poster Gaji Minimum di tempat perniagaan mereka di mana pekerja boleh melihatnya.

Majikan yang mempunyai soalan atau kebimbangan untuk mematuhi Undang-undang Gaji Minimum boleh menghubungi Jabatan Tenaga Kerja di **888-469-7365** untuk mendapatkan bantuan, di antara 8 pagi dan 5 petang, Isnin hingga Jumaat.

\*Pekerja makanan segera ialah mana-mana orang yang bekerja atau dibenarkan bekerja di, atau untuk, pertubuhan makanan segera oleh mana-mana majikan yang mana tugas pekerjaan orang tersebut termasuk sekurang-kurangnya satu daripada yang berikut: perkhidmatan pelanggan, memasak, penyediaan makanan atau minuman, penghantaran, keselamatan, bekalan atau peralatan stok, pembersihan atau penyelenggaraan rutin.